



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PENANAMAN POKOK  
TEDUHAN DARI JENIS *XANTHOSTEMON CHRYSANTHUS*  
(*GOLDEN PENDA*) SEMPENA SAMBUTAN HARI  
KEMERDEKAAN KE-61

## OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOWH  
**KETUA MENTERI PULAU PINANG**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**07 SEPTEMBER 2018 (JUMAAT)**  
**8.30 PAGI**

**TAMAN REKREASI SEMILANG  
SEBERANG JAYA  
(BERSEBELAHAN DEWAN JKKB TAMAN SEMILANG)**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Puan Chong Eng**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga,  
Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam

**Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengurus Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang  
dan Alam Sekitar

**Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengurus Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani,  
PembangunanLuar Bandar dan Kesihatan

**Yang Berhormat Tuan Satees A/L Muniandy**  
Ahli Dewan Undangan Negeri – Bagan Dalam

**Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik**  
Ahli Dewan Undangan Negeri – Bukit Tambun

**Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye**  
Ahli Dewan Undangan Negeri – Jawi

**Yang Berhormat Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah**  
Ahli Dewan Undangan Negeri – Sungai Bakap

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod**  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan**  
Kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Para Penduduk Taman Sembilang**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdullillah bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini dalam Majlis Perasmian Program Penanaman Pokok Teduhan Dari Jenis *Xanthostemon chrysanthus* (*Golden Penda*) Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-61.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO dan ADUN; Ahli-Ahli Majlis MPSP; Ketua-Ketua Jabatan; Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada pagi ini.

Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini.

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) komited untuk melaksanakan wawasan pembangunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dinyatakan dalam *Penang 2030* (Pulau Pinang 2030), yang terdiri dari empat tema utama iaitu meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan. *Penang 2030* memberi tumpuan terhadap aspek pembangunan kekeluargaan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau dan pintar, serta lonjakan ekonomi dan pembentukan rakyat sivil.

MPSP pula telah menetapkan sasaran untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022. Sebanyak 85 program dan 202 aktiviti sedang dan telah dilaksanakan di bawah Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 bagi mencapai “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi”.

Ini adalah satu perancangan atau komitmen MPSP kepada semua pelanggan, *stakeholders*, warga Seberang Perai dan Kerajaan Negeri dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP, dan seterusnya menjadikan MPSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang terbuka, interaktif, cekap dan mendapat sokongan ‘*civil society*’. Kerjasama daripada sektor swasta dan masyarakat untuk bersama-sama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diperlukan bagi menjayakan inisiatif ini.

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menjadi negeri hijau dengan tumpuan kepada aspek pembangunan dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi. Salah satu program yang sedang dan hendak dilaksanakan adalah penanaman 100,000 pokok di seluruh Pulau Pinang.

MPSP telah merangka Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022, di mana dalam Keutamaan Strategi SP04, iaitu Pembangunan Hijau dan Persekutaran Bersih, salah satu program yang ditetapkan adalah memperbanyakkan lagi kawasan-kawasan hijau yang berlatarbelakangkan landskap yang menarik dan cantik di Seberang Perai dengan aktiviti

penanaman pokok sebanyak 3,000 pohon setiap tahun sempena bulan kemerdekaan.

Inisiatif menanam pokok ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kesan cuaca panas dan kering yang sering melanda negara kita. Penanaman pokok-pokok dapat membantu menyerap karbon dioksida dari udara yang akhirnya mengurangkan kesan gas rumah hijau. Pokok-pokok dalam kuantiti yang banyak mempengaruhi iklim, seterusnya memberi kesan kepada cuaca. Pokok-pokok yang ditanam di bandar boleh menjadi penghias kawasan, penghias bangunan, penghias pinggir jalan dan tidak kurang yang merujuknya sebagai penambah atau pemberi kesan kehijauan.

Program Penanaman Pokok Teduhan Sempena Hari Kemerdekaan telah diadakan kali pertama pada 27 Ogos 2017, yang melibatkan penanaman 3,002 pokok teduhan jenis *Tecoma* (*Tabebuia sp.*) secara serentak di 13 lokasi di seluruh Seberang Perai. Empat (4) lokasi di Seberang Perai Utara, lima (5) lokasi di Seberang Perai Tengah dan empat (4) lokasi di Seberang Perai Selatan. Pokok-pokok ditanam di sepanjang jalan, perparitan dan juga kolam tadahan di lokasi-lokasi tersebut. Atas usaha ini, MPSP telah telah diiktiraf sebagai penganjur bagi "**The Largest Tecoma Tree Planting Event**" dalam *Malaysia Book Of Records*.

Kesinambungan daripada program penanaman pokok teduhan yang terdahulu, tahun ini pula, pokok teduhan dari jenis *Xanthostemon chrysanthus* yang dikenali sebagai Penda Emas atau *Golden Penda* telah dipilih kali ini dalam menjayakan program penanaman pokok. Pokok ini adalah tumbuhan berbunga dan merupakan salah satu pokok pilihan di kebun bunga kawasan perumahan kerana bunga majmuknya yang terbentuk secara berkelompok di hujung ranting, berwarna kuning terang dan sangat menyerlah. Pemilihan pokok dari spesis ini dibuat berdasarkan kepada faktor tumbesarananya yang sederhana tinggi, sistem pengakaran yang baik dan hanya memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan yang minimum. Ianya merupakan sejenis tanaman yang tahan lasak dan boleh tumbuh dengan baik di kawasan terbuka, tanah berasid dan boleh menahan ancaman kepanasan dan pencemaran.

Perlaksanaan program ini adalah secara 7Ps [*People, Public, Private, Philantropy, Philosopher, Planet & Partnership*] yang melibatkan kerjasama di antara MPSP, Ahli-Ahli Majlis MPSP, syarikat-syarikat swasta, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), guru-guru serta murid-murid sekolah-sekolah hijau.

Bagi program pagi ini, sebanyak 5,100 batang pokok akan ditanam di seluruh Seberang Perai. MPSP mendapat tajaan sebanyak 2,323 batang

pokok manakala yang selebihnya adalah daripada bekalan MPSP sendiri, iaitu 2,777 pohon pokok. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MPSP yang telah menyumbangkan sebanyak 450 batang pokok dan 15 pemaju dan syarikat swasta yang menyumbangkan 1,873 batang pokok. Pihak Eco Meadows Sdn. Bhd. juga telah menaja 3,000 sarung tangan dan skup tanah bagi tujuan penanaman pada hari ini.

### SENARAI PENAJA

BIL	AGENSI	JUMLAH POKOK
1	MPSP (Jabatan Landskap)	2,777
<b>AHLI MAJLIS MPSP</b>		
2	Encik David Marshel A/L Pakianathan	200
3	Encik Jason Raj	100
4	Cik Heng Yeh Shiuan	10
5	Encik Tan Cheong Heng	10
6	Encik Khong Chee Seong	10
7	Encik Cheen Goon Hooi	10
8	Encik Kumaran A/L Krishnan	10
9	Puan Shuhada Binti Abdul Rahim	10
10	Encik Mohd Sharmizan Bin Haji Mohamad Nor, PJK	10
11	Encik Anuar bin Yusoff	10
12	Encik Zulkifli bin Ishak	10
13	Encik Mohd Saifullah Bin Bin Abd Nasir	10
14	Encik A'ziss Bin Zainal Abidin	10
15	Dr. Seow Kweng Tian	10
16	Encik Zaini Bin Awang	10
17	Encik Ong Jing Cheng	10
18	Encik Wong Chee Keet	10
<b>PIHAK SWASTA</b>		
19	Eco Meadows Development Sdn. Bhd. (juga menaja 3,000 sarung tangan dan skop tanah).	300
20	SP Setia Berhad	300
21	Bandar Kepala Batas Sdn. Bhd.	300

BIL	AGENSI	JUMLAH POKOK
22	Sunway Bintang Sdn. Bhd.	150
23	UDA Land (North) Sdn. Bhd.	100
24	IJM Land Berhad,	62
25	JKP Sdn. Bhd.	50
26	Tambun Indah Land Bhd.	50
27	OCE Technologies Asia Pte. Ltd. (Malaysia Branch)	15
28	Penang Sentral Sdn. Bhd.	67
29	Oriental Max Group	100
30	Eurasia Express Sdn Bhd	100
31	Bagan Specialist	32
32	Silver Channel Sdn. Bhd.	32
33	Sunway	265
JUMLAH KESELURUHAN BILANGAN POKOK		5,100

Program Penanaman Pokok Teduhan dari jenis *Xanthostemon chrysanthus* (Golden Penda) Sempena Hari Kemerdekaan Yang Ke-61, yang diadakan pada hari ini melibatkan aktiviti penanaman pokok secara serentak di tujuh (7) lokasi kawasan lapang iaitu di Taman Rekreasi Semilang, Seberang Jaya; Taman Bertam Perdana, SPU; Taman Pekatra Indah, SPS; Klinik Cure & Care, Bukit Mertajam; rizab Jalan Permatang Nibong, SPT; Hospital Seberang Jaya; dan Taman Rekreasi Awam Wawasan (Vision Park), SPU. Selain itu, penanaman pokok juga akan dilaksanakan di 24 Sekolah Rendah dan 13 Sekolah Menengah, yang merupakan Sekolah-Sekolah Hijau di Seberang Perai.

**LOKASI PENANAMAN POKOK TEDUHAN GOLDEN PENDA  
(KAWASAN LAPANG DAN SEKOLAH HIJAU)**

DAERAH	LOKASI	BILANGAN POKOK
SPU	<b>KAWASAN LAPANG</b>	
	Kawasan Lapang Taman Bertam Perdana, SPU	200
	Taman Rekreasi Awam Wawasan (Vision Park), Bertam	1,313
	<b>SEKOLAH HIJAU</b>	
	SK Pokok Sena	38
	SJKC Lee Chee	32
	SK Convent Butterworth	35
	SK Lahar Kepar	36
	SJKC Aik Keow, Telok Air Tawar	17
	SK Ara Rendang	21
	SJKC Mah Hua	40
	SJKC Nung Min, Bumbung Lima	16
	SMK Sri Muda	46
	SMK Tok Labu	85
	SMK Permatang Tok Jaya	51
	SMK Telok Air Tawar	70
	SMK Bakti, Tasek Gelugor	56
	MRSM Kepala Batas	50
	SMK Convent Butterworth	10
SPT	<b>KAWASAN LAPANG</b>	
	Kawasan Lapang Taman Semilang (Lokasi Utama)	350
	Klinik Cure & Care 1 Malaysia, Bukit Mertajam	200
	Rizab Jalan Permatang Nibong hingga ke Jalan Kubang Semang	1,100
	Hospital Seberang Jaya	130
	<b>SEKOLAH HIJAU</b>	
	SK Kebun Sireh	20
	SJKC True Light	5
	SK Permatang To' Kandu	18
	SK Alma	35
	SK Bukit Teh	60
	SK Juara	40
	SJKC Permatang Tinggi	20
	SJKC Perkampungan Berapit	35
	SK Taman Impian	11
	SMK Jalan Damai	10
	SMK Guar Perahu	20
	SM Sains Tun Syed Sheh Shahabudin	20
	SMK Permatang Rawa	34

DAERAH	LOKASI	BILANGAN POKOK
SPS	KAWASAN LAPANG	
	Kawasan Lapang Taman Pekatra Indah - SPS	300
	SEKOLAH HIJAU	
	SJKC Boon Beng	50
	SK Bukit Tambun	38
	SK Jawi	30
	SJKC Kg Jawi	48
	SJKC Chong Kuang, Sg Bakap	40
	SK Bandar Tasek Mutiara	27
	SJKT Ladang Transkrian	3
	SMK Saujana Indah	90
	SMK Valdor	50
	SMK Tasek	200
JUMLAH KESELURUHAN POKOK DITANAM		5,100

Program penanaman pokok ini telah dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam *Malaysia Book of Records* sebagai “*The Largest Golden Penda (Xanthostemon chrysanthus) Tree Planting Event*” dengan penamaman pokok sebanyak 5,100 pohon yang akan ditanam oleh 3,200 orang yang terdiri dari wira orange, pegawai dan kakitangan MPSP, kakitangan dan pelanggan Klinik Cure and Care, kakitangan Hospital Seberang Jaya dan Bertam Properties, guru-guru dan murid-murid sekolah serta para penduduk Seberang perai. Pada hari ini juga, MPSP telah menjemput Encik Mohamad Alex Edward Jamuh Abdullah, Deputy General Manager, *Malaysia Book of Records* untuk mengesahkan program pagi ini untuk persijilan *Malaysia Book of Records*.

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,**

MPSP komited dengan hasrat Kerajaan Negeri, menjadikan Negeri Pulau Pinang, negeri hijau pertama di Malaysia. MPSP akan terus merealisasikan penanaman pokok di seluruh Seberang Perai dan sehingga kini sebanyak 250,205 batang pokok daripada pelbagai jenis telah ditanam di seluruh Seberang Perai. Saya berharap agar suatu hari nanti, Seberang Perai dapat mencapai penanaman 1,000,000 juta pokok di Seberang Perai.

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan Program Penanaman Pokok Teduhan Dari Jenis *Xanthostemon chrysanthus* (*Golden Penda*) Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-61. Ini termasuklah kakitangan dan pelanggan Klinik Cure and Care, Kakitangan Hospital Seberang Jaya dan Bertam Properties, guru-guru dan murid-murid sekolah serta para penduduk yang telah bersama-sama dengan MPSP dalam aktiviti penanaman pokok pagi ini. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh kakitangan MPSP yang bertungkus lumus dalam persiapan pengajuran program ini dan penaja-penaja yang telah memberi sumbangan pokok-pokok untuk program

ini. Harapan saya, hubungan kerjasama yang terjalin ini akan berterusan dengan lebih erat lagi dalam program-program akan datang.

Saya juga ingin menyeru dan menjemput pihak swasta, pemaju, badan-badan bukan kerajaan dan sesiapa yang berminat untuk bersama-sama dengan MPSP dalam menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022. Program penanaman pokok di bulan kemerdekaan akan terus dijadikan sebagai acara tahunan yang menjadi kebanggaan penduduk Seberang Perai. Sempena Bulan Kemerdekaan ini juga, marilah kita bersama-sama memupuk sifat kerjasama dan bersatu hati bagi merealisasikan harapan Kerajaan Negeri.

**Dengan ini, saya akhiri ucapan saya ini dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Sekian, terima kasih.**